

# Tinggal di kolej kediaman lebih selamat, kurangkan kos

## SIDANG REDAKSI

Pengarang Kumpulan BH  
Saidon Idris

Pengarang Eksekutif Kandungan dan Digital  
M Thillinadan

Pengarang Eksekutif Edisi Cetak  
Azhar A. Samah

Ketua Konvergen, Komersial dan Multimedia NSTP  
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Kandungan BM Vertikal Pendidikan  
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan  
Mohd Zin Mohd Ali  
Basir Zahrom

Wartawan  
Nor Azma Laila  
Mohd Khairul Anam Md Khairudin

Artis Eksekutif  
Shuhazmir Selamat  
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator  
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti@bh.com.my

Pengiklanan  
Tel: 1300226787

Berita Harian / Vertikal Pendidikan  
Tel: 1300226787 samb 5108  
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN  
Jabatan Penedaran dan Jualan Akhbar NSTP 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur  
E-mel: educationNSD@mediaprima.com.my  
Samb: 7755  
Tel: 03-2724 8999

E-mel atau surat ke alamat:  
bhvarsiti@bh.com.my atau  
Balai Berita,  
31, Jalan Riong, 59100,  
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan

Mahasiswa lebih cakna dan peka terhadap kebajikan, mudah dapat bantuan jika diperlukan

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penginapan di dalam kampus adalah satu daripada aspek kehidupan mahasiswa sepanjang tempoh pengajian mereka di universiti awam (UA) atau institusi pengajian tinggi (IPT).

Selain daripada persekitaran di dalam bilik kuliah, pembangunan pelajar dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek turut dipengaruhi oleh persekitaran tempat penginapan melalui kebudayaan kolej kediaman.

Pembudayaan itu dilakukan melalui program peningkatan diri seperti ceramah keagamaan dan kursus motivasi yang dijalankan di asrama dari semasa ke semasa bertujuan melahirkan pelajar yang berdikari, berakhlak mulia, berilmu dan berketerampilan.

Yang Dipertua, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2019/2020, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Nur Aina Zafirah Noor Azhar, berkata kolej kediaman menyediakan platform dinamik bagi meningkatkan produktiviti mahasiswa secara holistik dan komprehensif.

Katanya, kebiasaannya pengurusan kolej kediaman akan menjalankan aktiviti untuk pelajar yang menginap di asrama bertujuan untuk membantu mahasiswa supaya lebih cakna dan peka terhadap kebajikan dan isu berbangkit di kolej kediaman.

"Selain itu, kemudahan penginapan yang disediakan di kolej kediaman mampu membantu mengurangkan kos pengangkutan serta kos sara hidup mahasiswa di universiti berbanding jika mereka memilih untuk tinggal di rumah sewa.

"Harga sewa rumah atau bilik yang lebih mahal pada hari ini menyebabkan mahasiswa yang tidak berkemampuan terpaksa mengikat perut dan melakukan kerja sambilan demi menampung perbelanjaan harian di kampus," katanya.



**Kemudahan yang disediakan** di kolej kediaman mampu membantu memudahkan mahasiswa untuk mengakses fasiliti yang disediakan di kawasan sekitar universiti. (Foto hiasan)



Nur Aina Zafirah Noor Azhar



Mohammad Alif Hamzah

Bukan itu saja, kemudahan yang disediakan di kolej kediaman juga mampu membantu memudahkan mahasiswa untuk mengakses fasiliti yang disediakan di kawasan sekitar seperti kafeteria, dobi layan diri, kedai runcit, pusat aktiviti pelajar, gimnasium mini, padang futsal dan bola jaring serta pusat Islam/masjid universiti.

Nur Aina Zafirah yang juga Setiausaha Kerja Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) Sesi 2019/2020 berkata, paling penting ialah keselamatan mahasiswa yang tinggal di kolej kediaman akan lebih terjamin dan terkawal, malah lebih mudah mendapat bantuan sekiranya berlaku perkara kecemasan kerana mendapat pemantauan yang ketat oleh pengawal keselamatan.

"Bagi meningkatkan lagi keberkesanan keselamatan di kolej kediaman, mahasiswa juga boleh menghubungi talian hotline yang beroperasi selama 24 jam kepada pengawal keselamatan yang bertugas.

"Selain itu, risiko kecurian juga dapat dikurangkan melalui kawalan ini. Mahasiswa yang tinggal di dalam asrama akan mendapat penjagaan dan perlindungan yang sewajarnya oleh pihak pengurusan kolej kediaman demi menjaga kebajikan mahasiswa di kampus," katanya.

Perkara itu dipersetujui Setiausaha Kerja MPP Universiti Sains Malaysia (USM), Mohammad Alif Hamzah, yang berpendapat kemudahan penginapan yang disediakan oleh pihak universiti memberi banyak ke-

bihan kepada pelajar antaranya dari segi aspek keselamatan.

"Risiko jenayah yang memabitkan nyawa dan keselamatan pelajar dapat dijamin sekiranya pelajar menetap di kolej kediaman yang disediakan oleh pihak universiti.

"Kemudahan fasiliti di kolej kediaman juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan keselamatan pelajar terjamin, sebagai contoh penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) di setiap penjuru blok kolej kediaman, sekali gus dapat membantu pihak keselamatan sendiri untuk mengemecam individu yang mencurigakan," katanya.

Beliau berkata, kolej kediaman juga sedikit sebanyak mengasah dan membentuk pelajar untuk menjadi lebih berdisiplin dan insaf kepada permasalahan sosial dengan menetapkan curfew hours di mana pelajar perlu berada di kolej dalam tempoh masa yang ditetapkan.

"Selain itu, pihak kolej kediaman juga menetapkan bahawa pergaulan antara lelaki dengan perempuan terbatas sehingga kawasan kafeteria sahaja.

"Selain dapat membendung isu keselamatan, pihak kolej kediaman juga secara tidak langsung mengurangkan permasalahan sosial yang saban hari menjadi buah mulut masyarakat setempat," katanya.